

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

BST 322/3 : EKOSISTEM TROPIKA

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

(BST 322/3)

1. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai:-

- (a) Sinusia
- (b) Kauliflori
- (c) Fitofagi
- (d) Myrmekofili

(20 markah)

2. Ekosistem-ekosistem di kawasan tropika amat pelbagai, termasuk gurun, padang rumput dan hutan. Apakah faktor-faktor fizikal yang menentukan taburan ekosistem-ekosistem ini?

(20 markah)

3. Dengan bantuan gambarajah, huraikan struktur menegak pada hutan hujan tropika pamah. Bincangkan kajian-kajian yang membuktikan bahawa terdapat tiga lapisan pokok di dalam hutan hujan tropika pamah.

(20 markah)

4. Apakah komuniti-komuniti haiwan yang utama di dalam hutan tropika? Apakah kesan pembalakan terhadap haiwan di dalam hutan tropika?

(20 markah)

(BST 322/3)

5. Apabila sesuatu hutan diganggu, sama ada ditebang atau dibakar, kawasan itu cepat dijajahkan oleh tumbuh-tumbuhan yang berlainan daripada tumbuh-tumbuhan asal yang dimusnahkan. Apakah ciri-ciri tumbuhan penjajah ini dan bagaimana ianya berbeza daripada tumbuh-tumbuhan dari hutan yang asal?

(20 markah)

6. Apakah hutan paya gambut? Bagaimanakah hutan ini berbeza daripada hutan bakau?

(20 markah)

